

Berita Harian 17 Mac 2016.

Menjejak keagungan Uthmaniah

» Mahasiswa UniSZA anjur program jelajah benua Eropah

Oleh Aslina Abu Bakar
bhkt@bh.com.my

▪ Kuala Nerus

Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial Gunaan (PMFSSG) dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) buat julung kalinya mengadakan program menjelajah benua Eropah.

Program dikenali sebagai Program Menjejak Kesultanan Turki Uthmaniah dan Kepimpinan al-Fateh itu berlangsung selama 12 hari di beberapa lokasi iaitu Istanbul, Bursa dan Ankara, Turki.

Penjelajahan bermula semalam (16 Mac) hingga 27 Mac itu disertai 11 pelajar, tiga pensyarah, seorang pegawai Hal Ehwal Pe-

lajar UniSZA dan empat wakil Jawatankuasa Pendidikan Negeri Terengganu.

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Fakulti Sains Sosial Gunaan) UniSZA, Dr Mutia Sobihah Abdul Halim, berkata program itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar mempelajari sejarah keagungan Turki Uthmaniah dan kepimpinan Sultan Muhammad al-Fateh.

"Jelajah ini juga membantu pelajar mengikuti perkembangan budaya di Turki berkaitan sistem wakaf untuk dikongsi dan diaplikasikan di Terengganu seiring dengan hasrat kerajaan menjadikan daerah Kuala Nerus sebagai bandar wakaf.

"Apabila kita membawa pelajar ke sana, mereka dapat melihat sendiri budaya Hizmet (khidmat) di Maahad Tahfiz Suleimaniyyah Istanbul dengan lebih dekat," katanya selepas Majlis Solat Hajat di Masjid UniSZA, Kampus Gong Badak, di sini, semalam.

Katanya, selain memperkenalkan UniSZA dan Terengganu di benua berkenaan objektif program juga adalah untuk menjejak sejarah keagungan Sultan Muhammad al-Fateh yang menjadi



Pensyarah, pelajar dan kakitangan UniSZA Terengganu bergambar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sebelum berlepas ke benua Eropah bagi program Menjejak Kesultanan Turki Uthmaniah dan Kepimpinan al-Fateh, semalam.

(FOTO ASLINA ABU BAKAR/BH)

simbol kepimpinan Islam agung sebagai inspirasi untuk melahirkan mahasiswa berdaya saing di peringkat global.

Mahu hasil modul travelog

"Selain itu, kita juga akan meneliti budaya wakaf Turki untuk didedahkan kepada pelajar dan masyarakat Terengganu.

"Usaha ini juga bertujuan menggalakkan kerjasama pihak

UniSZA dan Mahad Tahfiz Suleimaniyyah (MTS) bagi menerapkan budaya hizmet dalam diri mahasiswa," katanya.

Beliau berkata, selepas pulang daripada program jelajah itu, pelajar dan pensyarah akan bekerjasama menghasilkan modul travelog dan pendidikan kepada pelajar di sekolah agama dan Sekolah Yayasan Intiaz Terengganu. Selain itu, pelajar juga akan

menjadi fasilitator secara percuma pada program yang akan dijalankan selain menghasilkan video dan dokumentari.

"Kita yakin jelajah ini akan memberi manfaat cukup besar untuk kita bersama merealisasikan hasrat Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman yang ingin mewujudkan pelancongan Islam dan bandar wakaf di negeri ini," katanya.